

10/08/1999

Anwar simpan surat rasmi untuk jatuhkan PM

MELAKA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah lama merancang untuk menjatuhkannya dan pemimpin lain iaitu ketika masih dalam kerajaan lagi.

Perdana Menteri berkata, pendedahan Anwar mengenai surat dan dokumen kerajaan yang disimpan di luar negara membuktikan bekas timbalannya itu berniat menggunakannya bagi tujuan tertentu.

Katanya, Anwar sudah membuat kenyataan bahawa dia memiliki banyak surat dan dokumen kerajaan yang disimpan di luar negara supaya dia boleh mendedahkan kesalahan kerajaan satu persatu.

"Dia sebenarnya jadi perancang dalam usaha jatuhkan orang lain, bukan dia yang jadi sasaran untuk dijatuhkan oleh sesiapa," katanya sambil menolak dakwaan Anwar kononnya dia menjadi mangsa konspirasi.

Berucap di majlis perjumpaan dengan pemimpin bahagian, Pemuda dan Wanita Barisan Nasional (BN) sempena lawatan kerja dua harinya ke Melaka hari ini, Dr Mahathir berkata, ketika berada dalam kerajaan, Anwar bukan menjalankan tugas tetapi berniat jahat untuk menjatuhkan pemimpin kerajaan.

"Apakah maknanya ini, maknanya selama dia dalam kerajaan dia, tiada kerja lain melainkan mengutip surat-surat ini dan menyimpan untuk satu tujuan.

"Ini bermakna dia yang punyai pakatan, dia punya rancangan untuk menjatuhkan sipolan dalam kerajaan termasuk saya, mungkin (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) Datuk Seri Rafidah Aziz dan lain-lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, Anwar sanggup mengumpul surat-surat rahsia serta dokumen kerajaan yang tertakluk mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA). Dokumen itu tidak boleh digunakan untuk tujuan lain kecuali daripada yang ditentukan kerajaan.

"Tetapi dia (Anwar) kumpul semua surat dan simpan di luar negara supaya boleh digunakan terhadap kerajaan," jelas Dr Mahathir.

Beliau berkata, selepas disingkirkan, Anwar tidak dibenarkan ke pejabatnya kecuali untuk mengambil barangan peribadi dan itu pun diiringi pegawai bagi memastikan dia tidak mengambil dokumen kerajaan.

Oleh itu, katanya, Anwar menjadi perancang sebenar untuk menjatuhkan orang lain apabila memiliki dokumen kerajaan lebih awal dengan menyimpannya di luar negara.

"Kita tidak tahu langsung hingga saat akhir yang Anwar akan disingkirkan dengan sebab tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah mengeluarkan apa-apa dokumen mengenai Anwar kerana beliau tidak menyimpan dokumen mengenai bekas timbalannya itu dan sebarang dokumen yang ada sekarang didapati daripada polis.

"Dan sekarang kita tahu daripada dokumen yang masih ada dalam kerajaan bahawa banyaklah perkara dilakukannya ketika menjadi menteri, yang sebenarnya menunjukkan dia tidak ikhlas dan jujur kepada pentadbiran.

"Dialah yang amalkan kronisme dan nepotisme. Kawan-kawannya diberi kemudahan tertentu supaya mereka menyokongnya," kata beliau.

(END)